

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang berkaitan** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T3/24/BM/USM-JPPF/37/KCK-P16 : **PERKHIDMATAN "COMPREHENSIVE MAINTENANCE & GENERAL MAINTENANCE FOR LIFT" (PAKEJ 16) DI KAMPUS KESIHATAN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KUBANG KERIAN, KELANTAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN.**

Blok			
1.	Blok 0101 - Hospital USM	9.	Blok 1506 - PP Sains Kesihatan
2.	Blok 0218 - Wad 2 Delima / 2 Intan	10.	Blok 0208 - PP Sains Perubatan
3.	Blok 0218 - Lobi Cafe Koperasi	11.	Blok 0909 - ARASC II
4.	Blok 0218 - Dewan Bedah	12.	Blok 0219 - Stor Farmasi Ubat
5.	Blok 0201 - Wad Berlian	13.	Blok 0203 - Unit Rekod Hospital (Dumbwaiter)
6.	Blok 0307 - Desasiswa Murni 5 & 6	14.	Blok 0218 - Tabung Darah (Dumbwaiter)
7.	Blok 1401 - PP Sains Pergigian	15.	Blok 0104 - Wad Peperiksaan (Dumbwaiter)
8.	Blok 0601 - Perpustakaan Hamdan Tahir		

Kelayakan : Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan – Kod Bidang **220505**.

Tarikh Tutup Tender : **1 Oktober 2024 (Selasa), Jam 12.00 Tengah hari.**

Tarikh Dokumen Dijual : **10 September 2024** hingga **23 September 2024**.

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah Mengikut Pakej)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**.

Tarikh Taklimat : **10 September 2024 (Selasa), Jam 10.00 Pagi.**

Tempat Taklimat : **Dewan Kuliah T, Blok G27, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.**

Syarat Taklimat : i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat**. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah menghadiri taklimat sahaja.

- ii) Hanya **penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** sahaja yang **boleh menghadiri sesi taklimat tender**.
- iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.
- iv) Wakil Syarikat (**Penama**) yang hadir wajib mengemukakan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan serta masih sah tempoh lakunya**.

Syarat Permohonan Dokumen Softcopy

- : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di (<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T3/24/BM/USM-JPPF/37/KCK-P16>) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:
- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. (**Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan**).
 - ii) Sijil Pendaftaran Kod Bidang **Kementerian Kewangan**.

Syarat Penghantaran Dokumen

- : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk **hardcopy & softcopy (pendrive)** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan & Aset , Jabatan Bendahari, Kompleks Pentadbiran Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan**.
- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

* Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih.

* Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.